

Newspaper	Sinar Harian
Date	2 December 2015

Mahathir bimbang BN tumbang PRU14

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru pemimpin dan ahli Umno di peringkat akar umbi agar menolak kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum PRU14 akan datang.

Dalam artikel terbaru dalam blognya bertajuk 'Surat kepada ahli dan pemimpin Umno akar umbi', bekas Presiden Umno itu seolah-olah memberi ingatan, sekiranya ingin selamat dan mahu Umno menang, kepimpinan Najib perlu ditolak.

"Tolaklah kepimpinannya sebelum PRU 14 supaya Umno selamat dan mampu memenangi PRU dan kekal sebagai kerajaan yang adil kepada semua," katanya.

Katanya, oleh kerana sekatan yang ketat untuk bertemu dan bercakap dengan ahli Umno serta orang awam menyebabkannya menulis menerusi blognya itu.

Beliau berkata, hari ini Umno sudah jadi milik presiden dan perjuangan parti terhadap kepada yang menyokong Presiden semata-mata.

"Kesetiaan ahli terhadap kepada presiden, tidak lagi kepada parti, tidak lagi kepada bangsa, agama dan negara," katanya.

Menurutnya, menyokong Najib mungkin memberi nikmat kepada orang tertentu, namun sekiranya BN kalah pada pilihan raya umum, semua nikmat akan hilang.

Sebaliknya, kata Mahathir, jika Najib berhenti dari menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri, besar kemungkinan parti itu akan pulih semula dan BN akan menang PRU14.

"Dengan itu bangsa, negara dan agama akan lebih selamat. Negara akan maju semula dan semua rakyat akan dapat nikmat," katanya.

Beliau juga turut menjangkakan BN dan Umno akan menjadi parti pembangkang seperti di Selangor dan Pulau Pinang.

"Besar kemungkinan parti akan kalah dalam PRU14 seperti di Selangor dan Pulau Pinang. Sebagai pembangkang tidak akan ada apa-apa yang boleh dibuat oleh Umno untuk bangsa, negara dan agama," katanya.

Sinar Harian - 2/12/2015

Justeru, Mahathir mahu pemimpin dan ahli Umno berfikir dengan lebih baik.

"Fikirlah baik-baik. Jangan sokong dan setia secara buta tuli atau kerana mendapat nikmat hari ini. Bangsa kita akan kutuk kita jika nasib bangsa menjadi buruk kerana kita tamak dan lupakan perjuangan Umno.

"Dan segala nikmat yang kita dapati akan musnah, bahkan kerajaan parti lawan akan bertindak ke atas kesalahan mereka semasa memerintah," katanya.